

## Laporan Kaji Selidik Tak Nak Plastik Sekali Guna: Pengguna



### Analisa dan Dapatan Kajian

Objektif kaji selidik adalah :

1. Untuk memperoleh pemahaman orang awam tentang penggunaan barang plastik sekali guna di premis makanan di Pulau Pinang.
2. Untuk membekalkan pemahaman kepada penggubal dasar tentang pandangan orang awam sebelum pembentukan dasar negeri berkenaan larangan penggunaan barang plastik sekali guna di Pulau Pinang.

Bagi mencapai objektif di atas, analisis potensi telah dijalankan dan keputusan yang diperolehi diterangkan seperti berikut.

### Data Demografi Sosial

Jadual 1 : Demografi Sosial (n=1948)

	Kekerapan	%
Adakah anda penduduk Pulau Pinang?		
Ya	1736	89.1
Tidak	210	10.9
	* 2 tidak menjawab	
Adakah anda bekerja di Pulau Pinang?		
Ya	1556	80.2
Tidak	385	19.8
	* 7 tidak menjawab	
Jantina		
Saya lebih suka untuk tidak menyatakan	29	1.5
Lelaki	763	39.2
Perempuan	1152	59.3
	* 4 tidak menjawab	

<b>Pekerjaan Semasa</b>			
Bekerja sendiri	232	11.9	
Pekerja sektor swasta	876	45.0	
Pekerja sektor awam	395	20.3	
Pelajar	285	14.7	
Suri rumah	74	3.8	
Menganggur	30	1.5	
Pesara	53	2.8	
* 3 tidak menjawab			
<b>Tahap Pendidikan Tertinggi</b>			
Pendidikan rendah	11	0.6	
Pendidikan menengah (PT3/PMR/ SRP/SPM/O-Levels)	288	14.8	
STPM/A-Levels/Matrikulasi/ Diploma/Sijil Kemahiran atau yang setara	412	21.2	
Pendidikan tinggi (Sarjana Muda/Sarjana/ Kedoktoran atau yang setara)	1216	62.5	
Lain-lain	18	0.9	
* 4 tidak menjawab			
<b>Pendapatan Isi Rumah Kasar (sebulan)</b>			
Bawah RM1500	266	13.8	
RM1501-RM4000	768	39.9	
RM4001-RM8500	564	29.3	
Atas RM8501	328	17.0	
* 22 tidak menjawab			

Kaji selidik awam berkenaan barang plastik sekali guna yang dijalankan di kedai-kedai makan di Pulau Pinang menunjukkan bahawa 89.1% daripada jumlah responden merupakan penduduk Pulau Pinang, manakala yang selebihnya tidak (10.9%). Daripada jumlah penduduk Pulau Pinang ( $n = 1,736$ ), 75.2% daripada mereka bekerja di Pulau Pinang, sementara 267 responden yang lain bekerja di luar Pulau Pinang semasa kajian ini dijalankan.

Beberapa responden (0.05%) yang bekerja di Pulau Pinang adalah bukan penduduk negeri ini dan mereka mungkin menetap di negeri lain seperti Kedah atau Perak. Daripada jumlah 1948 responden, majoriti bekerja dalam sektor swasta (45%), sementara 20.3% bekerja dalam sektor awam. 14.7% daripada responden merupakan pelajar.

Dari segi jantina, majoriti responden merupakan perempuan (59.3%) dan 39.2% yang lain merupakan lelaki. Walau bagaimanapun, 29 responden (1.5%) tidak menyatakan jantina mereka.

Untuk latar belakang pendidikan, tahap pendidikan tertinggi yang diperoleh oleh majoriti responden (62.5%) adalah pengajian tinggi (Sarjana Muda, Sarjana, Kedoktoran atau setara), diikuti dengan mereka yang mempunyai STPM, A-Level, Matrikulasi, Diploma dan Sijil kemahiran atau setara (21.2%) dan pengajian menengah (14.8%). Hanya 0.6% responden mendapat pengajian sekolah rendah sebagai tahap pendidikan tertinggi mereka.

Dari segi pendapatan isi rumah, majoriti responden (39.9%) mempunyai purata pendapatan bulanan di antara RM1501 hingga RM4000, diikuti dengan mereka yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM4001 hingga RM8500 dengan peratusan sebanyak 29.3%. Sementara itu, 17% responden memperoleh pendapatan bulanan yang paling tinggi iaitu lebih daripada RM8501, 13.8% yang lain memperoleh kurang daripada RM1500 sebulan. Baki 22 responden tidak menyatakan pendapatan bulanan mereka.

### Kawasan Daerah




\*Tidak menetap di Pulau Pinang, 8.4%

Gambar Rajah 1 : Peratusan penduduk dalam Daerah Pulau Pinang

Daripada 1,736 responden yang menetap di Pulau Pinang, kebanyakannya menetap di Daerah Timur Laut (32.8%), diikuti dengan Seberang Perai Tengah dan Barat Daya masing masing 18.9% dan 17.1%. 13% daripada mereka menetap di Daerah Seberang Perai Utara, sementara 9.7% di daerah Seberang Perai Selatan. Kurang daripada 9% responden tidak menetap dalam kawasan Pulau Pinang.

### Kumpulan Umur



Gambar Rajah 2 : Kumpulan Umur


	Kekerapan	Peratusan Sah
Age Group	15-24	372
	25-34	694
	35-44	545
	45-59	264
	> 60	68
	Total	1943
		100.0

Majoriti purata umur responden ialah di antara 25 ke 34 tahun, sementara 68

responden (3.5%) merupakan warga emas. Selain itu, kumpulan dewasa atau remaja iaitu yang berumur di antara 15 ke 24 tahun hanya mencapai peratusan sebanyak 19.1% dibandingkan kepada kumpulan lain. Lima responden tidak menyatakan kumpulan umur mereka dalam kaji selidik ini.

## Q2

Adakah anda menyokong larangan penggunaan plastik sekali guna (penyedut minuman, cawan, piring sos, penutup minuman, sudu dan garfu, botol, mangkuk, pinggan serta pengacau minuman) di hotel, restoran, kafe, dan kedai makanan di Pulau Pinang?



Gambar Rajah 3 : Tahap sokongan terhadap larangan penggunaan barang plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Menentang	136	7.0
Menentang	139	7.1
Neutral	202	10.3
Menyokong	459	23.6
Sangat menyokong	1012	52.0
Jumlah	1948	100.0

Daripada keseluruhan 1948 responden, lebih daripada separuh (52%) sangat menyokong kempen larangan penggunaan barang plastik sekali guna. Hanya beberapa daripada mereka (15%) yang tidak bersetuju dengan penguatkuasaan larangan penggunaan barang plastik sekali guna terutamanya di hotel, restoran, kafe dan kedai makanan.

Berdasarkan kumpulan umur, majoriti responden (35.3%) yang menyokong kempen ini berumur dari 25 hingga 34 tahun. Terdapat hubungan yang ketara (nilai-p kurang dari 0.05)

di antara tahap sokongan responden terhadap larangan penggunaan barang plastik sekali guna dengan tahap pendidikan dan kumpulan umur mereka.


Analisis selanjutnya berdasarkan kumpulan umur mendedahkan bahawa golongan yang berumur di antara 25 hingga 34 tahun adalah 1.5 kali lebih cenderung untuk kekal neutral daripada mereka yang menentang larangan barang plastik sekali guna di hotel, restoran, kafe dan kedai makan. Begitu juga dengan golongan yang berumur di antara 35 hingga 44 tahun yang dua kali ganda lebih menyokong daripada menentang larangan penggunaan barang plastik di hotel, restoran, kafe dan kedai makan.

Berdasarkan perbezaan status pekerjaan, analisis menunjukkan bahawa mereka yang bekerja adalah 2 kali ganda lebih menyokong daripada menentang larangan penggunaan barang plastik sekali guna di premis seperti hotel, restoran, kafe dan kedai makan.

Walau bagaimanapun, tanpa mengira perbezaan pendapatan bulanan isi rumah, keputusan menunjukkan bahawa responden daripada semua kumpulan adalah dua ke tiga kali lebih cenderung untuk kekal neutral daripada menentang larangan penggunaan barang plastik sekali guna di pelbagai premis.

Q3.

- i. Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, kebiasaanya kerana –  
Barangan plastik sekali guna adalah lebih bersih.



Gambar Rajah 4 : Kebersihan sebagai faktor untuk menggunakan barang plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1531	78.6
Ya	417	21.4
Jumlah	1948	100.0

Kebanyakan responden (78.6%) menyatakan bahawa faktor kebersihan bukanlah sebab untuk mereka menggunakan barang plastik sekali guna. Hanya 21.4% mempertimbangkan penggunaannya atas faktor kebersihan.

Analisis selanjutnya berkaitan regresi logistik binari telah dijalankan untuk

menilai hubungan di antara faktor demografik dengan penggunaan barang plastik sekali guna oleh responden.

Berkenaan perbezaan status jantina, analisis telah mendedahkan bahawa berbanding kumpulan lelaki, mereka yang tidak menyatakan jantina adalah 2.5 kali ganda lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna atas faktor kebersihan.

**ii- Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, kebiasaan kerana –  
Barangan plastik sekali guna adalah lebih murah.**



Gambar Rajah 5 : Harga yang lebih murah sebagai faktor untuk menggunakan barangan plastik sekali guna.

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1677	86.1
Ya	271	13.9
Jumlah	1948	100.0

Hanya 14% daripada responden mempertimbangkan harga yang rendah sebagai faktor untuk menggunakan barangan plastik sekali guna. Kelompok majoriti (86.1%) sebaliknya tidak bersetuju dengan harga yang berpatutan menjadi sebab untuk mereka terus menggunakan barangan tersebut.


Dari segi jantina, pelanggan perempuan dalam kajian ini adalah 36% kurang cenderung menggunakan barangan plastik sekali guna kerana harganya yang lebih rendah berbanding dengan kumpulan lelaki.

Selain itu, dari segi umur, golongan yang berada dalam kumpulan umur di antara 25 hingga 34 tahun adalah tiga kali lebih cenderung untuk menggunakan barangan plastik sekali guna kerana faktor harga berbanding kumpulan warga emas.

Berdasarkan latar belakang pendidikan, golongan yang menerima tahap pendidikan tertinggi di sekolah menengah adalah 1.5 kali lebih cenderung untuk menggunakan barangan plastik sekali guna kerana harga yang rendah berbanding mereka yang menerima pendidikan tinggi. Dari segi perbezaan pendapatan isi rumah, mereka yang memperoleh

RM1501 hingga RM4000 sebulan adalah 1.6 kali lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna kerana lebih berkemampuan berbanding dengan golongan yang memperoleh pendapatan bulanan yang lebih rendah.

**iii- Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, kebiasaannya kerana –  
Barangan plastik sekali guna adalah mudah didapati .**



Gambar Rajah 6 : Mudah didapati sebagai faktor untuk menggunakan barang plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1271	65.2
Ya	677	34.8
Jumlah	1948	100.0

Kebolehdapatan barang plastik sekali guna jelasnya menjadi faktor bagi beberapa responden (34.8%) untuk menggunakan barang ini. Walau bagaimanapun, peratusan yang lebih besar (65.2%) tidak bersetuju dengan alasan ini.


Berdasarkan status pekerjaan, mereka yang tidak bekerja 73% kurang cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna kerana faktor kebolehdapatan dibandingkan dengan yang masih belajar.

Dari segi umur, mereka yang dalam kumpulan umur di antara 15 ke 44 tahun adalah dua ke tiga kali lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna atas faktor kebolehdapatan berbanding warga emas.

Mereka dengan tahap pendapatan bulanan yang paling tinggi (iaitu RM8501 dan ke atas) adalah 42% kurang cenderung untuk menggunakan barang

plastik sekali guna atas faktor kebolehdapatan dibandingkan dengan mereka yang memperoleh pendapatan bualanan kurang daripada RM1500.

**iv- Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, kebiasaan kerana –  
Saya diberikan barang plastik sekali guna oleh hotel, restoran dan kedai makan.**



Gambar Rajah 7 : Faktor menggunakan barang plastik sekali guna kerana telah disediakan oleh kedai makan

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	680	34.9
Ya	1268	65.1
Jumlah	1948	100.0

Majoriti daripada responden (65.1%) bersetuju bahawa mereka menggunakan barang plastik sekali guna, terutamanya cawan dan pinggan kerana barang ini

mudah didapati dan telah disediakan di premis seperti hotel , kafe, restoran dan kedai makan yang lain. 34.9% yang lain tidak menyokong kenyataan ini.


Dari segi latar belakang pendidikan, berbanding dengan mereka yang hanya mempunyai pendidikan sekolah rendah, golongan yang mendapat tahap pendidikan yang lebih tinggi adalah dua

ke empat kali lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna kerana mudah didapati dan barang ini disediakan di tempat-tempat makan.

Dari sudut pendapatan bulanan, mereka yang memperoleh pendapatan sekurang-

kurangnya RM4001 sebulan adalah 1.5 hingga dua kali lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna atas faktor mudah didapati dan kebolehdapatan dibandingkan dengan yang memperoleh pendapatan tidak lebih daripada RM1500 sebulan.

**v. Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, kebiasaanya kerana –  
Saya tidak menggunakan barang plastik sekali guna**




Gambar Rajah 8 : Penggunaan barang plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1791	91.9
Ya	157	8.1
Jumlah	1948	100.0

menggunakan barang plastik sekali guna manakala hanya sedikit (8.1%) yang menggunakan barang tersebut.

Kebanyakan responden (91.9%) memberikan respon bahawa mereka tidak

vi- Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, kebiasaan kerana – Lain-lain, sila nyatakan.



Gambar Rajah 9 : Sebab lain untuk menggunakan barang plastik sekali guna


	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1826	93.7
Ya	122	6.3
Jumlah	1948	100.0

Hanya 6.3% responden telah memberikan sebab lain untuk tetap menggunakan

barang plastik sekali guna. Antara sebab mereka termasuklah mudah didapati, sesuai dan juga mereka tidak perlu membasuh selepas menggunakan barang ini.

**Q3**

- Apabila anda menggunakan barang plastik sekali guna, biasanya kerana




Gambar Rajah 10 : Ringkasan sebab-sebab untuk menggunakan barang plastik sekali guna

	Kekerapan	Peratusan
Barangan plastik yang digunakan lebih bersih	417	21.41
Barangan plastik adalah lebih murah	271	13.91
Barangan plastik yang digunakan mudah diperolehi	677	34.75
Saya telah diberikan barangan plastik oleh pihak hotel, restoran atau kedai makanan	1268	65.09
Saya tidak menggunakan barangan plastik	157	8.06
Lain-lain, sila nyatakan	122	6.26

Majoriti responden (65.09%) menyatakan bahawa mereka menggunakan barangan plastik sekali guna kerana barangan ini telah disediakan kepada mereka apabila makan di hotel, restoran dan kedai-kedai makan yang lain. Ini diikuti dengan 34.75% yang menggunakan barangan tersebut kerana ketersediaannya di pelbagai tempat. 21.41% daripada responden menggunakan barangan plastik sekali guna atas faktor kebersihan, manakala 13.91% yang lain bersetuju bahawa ia adalah disebabkan oleh faktor harga yang berpatutan. Beberapa responden yang lain (6%) memberikan sebab lain untuk menggunakannya termasuklah mudah, boleh dibuang, sesuai digunakan untuk aktiviti luar dan lain-lain. Hanya 8% menyatakan bahawa mereka langsung tidak menggunakan barangan plastik sekali guna.

**Q4**

- i. Apakah yang anda lakukan selepas menggunakan barang plastik sekali guna? -  
**Buangkan ke dalam tong sampah**



Gambar Rajah 11 : Tindakan yang diambil setelah menggunakan barang plastik sekali guna (buang ke dalam tong sampah)


	Kekerapan	Peratusan
Tidak	998	51.2
Ya	950	48.8
Jumlah	1948	100.0

Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa peratusan responden (51.2%) yang tidak membuang barang plastik sekali guna ke dalam tong sampah adalah lebih tinggi berbanding dengan yang melakukannya (48.8%). Ini menunjukkan bahawa terdapat pengagihan yang agak seimbang di antara pelanggan yang mempunyai

kesedaran mengenai pelupusan barang plastik yang sesuai dan mereka yang kurang pengetahuan mengenai amalan tersebut.

Analisis statistik lain yang menggunakan regresi logistik binari mudah mendedahkan bahawa faktor demografik iaitu jantina, status pekerjaan, kumpulan umur, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan isi rumah tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap amalan pelanggan tentang pelupusan barang plastik sekali guna.

**ii. Apakah yang anda lakukan selepas menggunakan barang plastik sekali guna? - Kitar semula dengan memasukkan ke dalam tong kitar semula yang disediakan atau bawa balik ke rumah untuk dikitar semula**



Gambar Rajah 12 : Tindakan selepas menggunakan baangan plastik sekali guna (kitar semula)


	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1373	70.5
Ya	575	29.5
Jumlah	1948	100.0

Soalan seterusnya telah mendedahkan bahawa majoriti responden (70.5%) tidak mengitar semula barang plastik sekali guna, sama ada melalui tong kitar semula ataupun membawa pulang barang tersebut untuk dikitar semula. Hanya

sebilangan kecil responden (29.5%) bersetuju bahawa mereka mengitar semula barang tersebut.

Berkaitan dengan pendapatan bulanan, keputusan menunjukkan bahawa mereka yang berpendapatan RM1501 hingga RM4000 sebulan merupakan 1.5 kali lebih cenderung untuk mengitar semula barang plastik sekali guna berbanding dengan mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan.

**iii- Apakah yang anda lakukan selepas menggunakan barang plastik sekali guna? - Gunakan semula**



Gambar Rajah 13 : Tindakan yang diambil setelah menggunakan barang plastik sekali guna – (guna semula)


	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1566	80.4
Ya	382	19.6
Jumlah	1948	100.0

Keputusan di atas menunjukkan bahawa kurang daripada 20% responden bersetuju bahawa mereka menggunakan semula barang plastik sekali guna, sementara lebih daripada 80% mengatakan sebaliknya.

Analisis statistik selanjutnya mendedahkan bahawa faktor demografik seperti jantina, status pekerjaan, kumpulan umur, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan isi rumah tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap amalan responden untuk menggunakan semula barang plastik sekali guna.

iv - Apakah yang anda lakukan selepas menggunakan barang plastik sekali guna?

- Saya tidak menggunakan barang plastik sekali guna.




Gambar Rajah 14 : Tindakan yang diambil setelah menggunakan barang plastik sekali guna - (tidak pernah menggunakan barang tersebut)

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1870	96.0
Ya	78	4.0
Jumlah	1948	100.0

Berdasarkan rajah di atas, hanya beberapa responden (4%) menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan barang plastik sekali guna, manakala majoriti (96%) masih menggunakan barang ini.

v - Apakah yang anda lakukan selepas menggunakan barang plastik sekali guna ? -

Lain – lain



Gambar Rajah 15 : Tindakan yang diambil setelah menggunakan barang plastik sekali guna - (lain-lain)

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	1910	98.0
Ya	38	2.0
Jumlah	1948	100.0

Salah satu jawapan yang diberikan oleh responden tentang tindakan mereka ke atas barang plastik sekali guna ialah berkenaan dengan aspek kualiti. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka akan menyimpan barang plastik

terpakai disebabkan oleh kualiti barang tersebut. Tambahan pula, beberapa daripada mereka berkongsi bahawa beg plastik dan botol air merupakan contoh barang plastik sekali guna yang akan disimpan tidak seperti sudu, garfu dan pinggan. Tindakan lain yang dinyatakan oleh responden adalah mereka akan membuang barang plastik sekali guna apabila terdapat tong kitar semula yang berdekatan.

**Q4**

- Apakah yang anda lakukan selepas menggunakan barang plastik sekali guna ?




\*Peratusan berdasarkan jumlah responden, 1948

Gambar Rajah 16: Rumusan tindakan yang diambil setelah menggunakan barang plastik sekali guna

Secara menyeluruh, ia boleh dilihat bahawa majoriti responden (48.2%) menyatakan bahawa mereka membuang barang plastik sekali guna ke dalam tong sampah selepas menggunakannya. Hanya 29.5% daripada mereka mengendalikan barang plastik sekali guna dengan cara mengitar semula. Sementara itu, hanya 19.6% menggunakan semula barang ini setelah digunakan. Baki 4% menyatakan bahawa mereka langsung tidak menggunakan barang plastik sekali guna.

**Q5**

**Adakah anda membersihkan dan mengeringkan barang plastik sekali guna sebelum dihantar untuk dikitar semula?**




Gambar Rajah 17 : Amalan membasuh dan mengeringkan barang plastik sekali guna sebelum dihantar untuk kitar semula

Ia boleh dilihat bahawa terdapat sedikit perbezaan dalam kalangan responden mengenai amalan membersihkan barang plastik yang boleh dikitar semula. Secara spesifik, lebih banyak responden (51.9%) yang bersetuju bahawa mereka akan membasuh dan mengeringkan barang plastik sekali guna sebelum dihantar ke pusat kitar semula berbanding dengan mereka yang tidak melakukan amalan ini.

## Q6

**Jika barang plastik sekali guna akan dikenakan bayaran, berapakah harga yang akan anda bayar untuk menggunakan barang plastik tersebut?**




Gambar Rajah 18 : Jumlah yang sanggup dibayar untuk menggunakan barang plastik sekali guna dan tahap sokongan terhadap larangan.

Majoriti responden bersetuju bahawa barang yang harus dilarang di Pulau Pinang adalah penyedut minuman plastik (38.1%), diikuti dengan pinggan dan mangkuk plastik (35.2%), kutleri plastik (35.2%) dan cawan plastik (33.4%). Tambahan pula, jika penggunaan barang plastik sekali guna akan dikenakan bayaran, 7.0% responden bersetuju bahawa mereka sanggup membayar paling tinggi pada harga RM1 untuk botol air plastik, diikuti dengan pinggan dan mangkuk plastik (6.3%) dan kutleri plastik (4.9%).

Selanjutnya, majoriti responden (56.7%) sanggup membayar pada harga yang paling rendah iaitu 20 sen untuk beg plastik, diikuti dengan penyedut minuman plastik (47.8%) dan kutleri plastik (43.3%).

**Q7**

- Sekiranya barang plastik sekali guna akan dikenakan bayaran, bagaimanakah kutipan bagi bayaran tersebut dapat disalurkan?




Gambar Rajah 19 : Bidang yang caj untuk penggunaan barang plastik sekali guna boleh digunakan

Berkaitan dengan faedah mengenakan bayaran untuk penggunaan barang plastik sekali guna, majoriti responden (36.1%) bersetuju bahawa duit itu boleh digunakan untuk program pendidikan alam sekitar, diikuti dengan perkhidmatan kitar semula (31.6%) dan perkhidmatan pembersihan awam (21.7%). 16.5% yang lain bersetuju bahawa bayaran tersebut boleh digunakan sebagai dana membasmi kemiskinan. Sementara itu, baki 1.6% memberikan cadangan lain seperti membangunkan teknologi yang lebih baik, lebih program pendidikan hijau tentang kitar semula (seperti hasil buangan harian rumah, perkhidmatan pembersihan awam) dan juga memperkenalkan beg kertas.

**Q8**

- Antara berikut yang manakah akan mendorong anda untuk membawa bekas makanan atau minuman anda sendiri?



Gambar Rajah 20 : Galakkan untuk membawa bekas makanan atau minuman sendiri

Berkenaan faktor galakan untuk membawa bekas makanan atau minuman sendiri, keputusan menunjukkan bahawa jenis galakan yang dipersetujui oleh kebanyakan responden (sekitar 92%) ialah melalui larangan untuk mengagihkan barang plastik sekali guna kecuali diperlukan oleh pelanggan. Ini diikuti dengan 91.8% responden yang bersetuju dengan sistem ganjaran dan denda dimana pelanggan akan dikenakan bayaran sekiranya ingin menggunakan barang plastik sekali guna manakala mereka akan mendapat diskaun (amaun diskaun melebihi harga caj plastik) kerana menggunakan bekas, penyedut minuman atau botol sendiri.

Galakan seterusnya yang dipersetujui oleh ramai responden (91.3%) ialah dengan menyediakan lebih banyak kemudahan isian air mineral atau ditapis bagi pelanggan yang menggunakan botol air mereka sendiri. Selain itu, peratusan responden yang besar (87.5%) juga bersetuju bahawa panduan kesihatan perlu diwujudkan untuk mengendalikan bekas plastik milik pelanggan sendiri. Keseluruhannya, keputusan ini menunjukkan sokongan positif dalam kalangan responden terhadap pelbagai jenis galakkan untuk meningkatkan kesedaran mereka dalam mengendalikan barang plastik sekali guna.

### Rumusan

Berkenaan jantina, majoriti responden merupakan perempuan (50.3%). Dari segi pekerjaan, lebih ramai responden yang bekerja di sektor swasta (45%) dibandingkan dengan sektor awam (20.3%), sementara beberapa yang lain merupakan pelajar (14.7%), berkerja sendiri (11.9%), suri rumah (3.8%), pesara (2.8%) atau penganggur (1.5%). Tahap pendidikan tertinggi yang diperoleh majoriti responden (62.5%) merupakan pendidikan tinggi (Sarjana Muda/ Sarjana/ Kedoktoran atau setara), sementara purata pendapatan bulanan isi rumah bagi majoriti responden (39.9%) ialah di antara RM1501 hingga RM4000.

Dari segi permukiman, majoriti responden (32.8%) tinggal di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Berkenaan umur, majoriti responden merupakan belia berumur 25 ke 34 tahun, diikuti dengan yang berumur 35 ke 44 tahun dan warga emas (3.5%). Lebih daripada separuh responden (52%) menyatakan sokongan mereka terhadap kempen penggunaan barang plastik sekali guna, sementara beberapa yang lain (kurang daripada 15%) menyatakan sebaliknya. Dari segi sebab untuk menggunakan barang plastik sekali guna, majoriti responden (65.09%) menyatakan bahawa ianya kerana barang ini telah disediakan kepada mereka apabila makan di hotel, restoran dan kedai makan yang lain. Beberapa responden (34.75%) juga bersetuju bahawa ianya mudah didapati. Sebab lain termasuk faktor kebersihan (21.41%) dan harga yang berpatutan (13.91%).

Berkenaan sikap apabila mengendalikan dengan barang plastik, majoriti responden (48.8%) menyatakan bahawa mereka membuang barang ini ke tong sampah selepas digunakan. Beberapa daripada mereka mempunyai sikap yang positif iaitu dengan mengitar semula di tong kitar semula (29.5%) atau mengguna semula barang tersebut (19.6%). Dari segi amalan pembersihan, terdapat sedikit peratusan yang tinggi menyatakan bahawa mereka akan membasuh dan mengeringkan barang plastik sekali guna sebelum dihantar ke pusat kitar semula dibandingkan dengan mereka yang mengatakan sebaliknya.

Dari segi sokongan terhadap larangan barang plastik sekali guna, penyedut minuman plastik, pinggan dan mangkuk plastik, kutleri plastik dan cawan plastik antara yang dilihat oleh responden sebagai barang yang harus dilarang di Pulau Pinang.

Dari segi faedah sekiranya penggunaan barang plastik sekali guna dikenakan caj, majoriti responden menyokong bahawa caj boleh digunakan untuk program pendidikan alam sekitar, diikuti dengan perkhidmatan kitar semula (31.6%) dan perkhidmatan pembersihan awam (21.7%). Berkenaan faktor untuk menggalakkan pelanggan membawa bekas makanan dan minuman mereka sendiri, hasil kaji selidik menunjukkan bahawa lebih 60% responden lebih cenderung untuk menyokong larangan pengagihan penyedut minuman sekali guna, kutleri, pinggan dan mangkuk kepada pelanggan. Peratusan besar responden juga bersetuju tentang penggunaan sistem ganjaran dan denda, serta menyediakan lebih banyak kemudahan isian air mineral dan air tapis bagi pelanggan yang menggunakan botol air sendiri. Sebaliknya, kurang daripada 50% responden juga menyokong bahawa panduan kesihatan perlu diwujudkan untuk mengendalikan bekas-bekas pelanggan.

Analisis regresi logistik multinomial juga telah mendedahkan beberapa penemuan penting berkaitan dengan hubungan di antara faktor demografi dan tahap sokongan responden terhadap larangan ini. Ia juga ditemui bahawa status pekerjaan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tahap sokongan responden kepada larangan penggunaan barang plastik sekali guna, dimana mereka yang bekerja adalah dua kali lebih cenderung untuk menyokong daripada menentang larangan tersebut di premis-premis makanan seperti hotel, restoran, kafe dan kedai makan. Selain itu, usia boleh menjadi faktor yang mempengaruhi tahap sokongan responden terhadap larangan tersebut. Ia juga ditemui bahawa mereka yang berumur 25 ke 34 tahun merupakan 1.5 kali lebih was-was daripada menentang larangan penggunaan barang plastik sekali guna di hotel, restoran, kafe dan kedai makan. Pada masa yang sama, mereka yang berada dalam kumpulan umur di antara 35 ke 44 tahun adalah dua kali lebih cenderung untuk menyokong daripada menentang larangan penggunaan barang plastik sekali guna di pelbagai premis.

Walau bagaimanapun, tiada perbezaan ketara yang diperhatikan pada tahap sokongan responden tentang larangan penggunaan barang plastik sekali guna dengan purata pendapatan bulanan mereka. Tanpa mengira faktor pendapatan bulanan, responden adalah dua ke tiga kali lebih cenderung untuk kekal neutral daripada menentang larangan barang plastik sekali guna di hotel, restoran, kafe dan kedai makan.

Pelbagai alasan responden untuk menggunakan barang plastik sekali guna juga dikaitkan dengan beberapa faktor demografi. Berkenaan perbezaan jantina, analisis menunjukkan bahawa responden dengan jantina yang tidak ditentukan adalah 2.5 kali lebih cenderung

untuk menggunakan barang plastik sekali guna kerana faktor kebersihan berbanding dengan kumpulan lelaki. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan yang ketara diperhatikan dalam kumpulan perempuan.

Berkenaan perbezaan latar belakang pendidikan, responden yang mempunyai tahap pendidikan tertinggi di tahap menengah telah mencatatkan 1.5 kali lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna kerana faktor harga yang berpatutan berbanding dengan yang mempunyai pendidikan tinggi. Perbezaan yang ketara disebabkan oleh faktor harga yang rendah juga mendapat bahawa mereka yang berpendapatan bulanan isi rumah di antara RM1501 hingga RM4000 lebih berkemungkinan untuk menggunakan barang plastik sekali guna berbanding dengan yang memperoleh pendapatan yang lebih rendah.

Berkenaan perbezaan mengenai faktor kebolehdapatan, mereka yang memperoleh pendapatan yang tinggi (RM8501 dan ke atas) merupakan 42% kurang untuk menggunakan barang plastik sekali guna berbanding dengan mereka yang memperoleh pendapatan yang kurang daripada RM1500 sebulan. Melihat pada perbezaan sebab bahawa barang tersebut telah disediakan di kedai makan, mereka yang memperoleh pendapatan yang tinggi (RM4001 dan ke atas) merupakan 1.5 kali ke dua kali lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna atas sebab ini berbanding dengan mereka yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1500 sebulan. Begitu juga, tindakan yang diambil setelah menggunakan barang plastik sekali guna, mereka yang memperoleh pendapatan dari RM1501 ke RM4000 sebulan merupakan 1.5 kali lebih cenderung untuk mengitar semula barang tersebut setelah digunakan berbanding dengan yang memperoleh kurang daripada RM1500 sebulan. Jadi, ia boleh disimpulkan bahawa responden dengan pendapatan bulanan yang tinggi lebih cenderung untuk menggunakan barang plastik sekali guna kerana ianya telah disediakan di kedai-kedai makan berbanding dengan sebab-sebab lain. Mereka juga mempunyai kesedaran untuk mengitar semula barang plastik sekali guna berbanding dengan mereka yang berpendapatan lebih rendah.